



Nama Penuh Murid:



Cikgu Linda doakan
moga murid-murid
menjadi anak yang
Cemerlang
aamiin.

SAINS TAHUN 6


SP: 7.1.3 – 7.1.4

NOTA

KELAJUAN

Kelajuan melibatkan **jarak** dan **masa**

**paling
laju**



Yang pertama sampai ke
garisan penamat / **paling
cepat** sampai (jarak
sama)



MULA

TAMAT

Kelajuan melibatkan **jarak** dan **masa**

paling laju



Bergerak **paling jauh** dalam masa yang sama (jarak sama)



Maju Eskpres



Sinar Eskpres



Mekar Eskpres



BAS	Maju Eskpres	Sinar Eskpres	Mekar Eskpres
Jarak pergerakan Bas	Ipoh – Alor Star 300 km	Ipoh – Shah Alam 250 km	Ipoh – Seremban 350 km
Masa sampai ke destinasi	3 jam	3 jam	3 jam

Bas **Maju** Eskpres bergerak **lebih laju** dari bus **Sinar** Eskpres tetapi **lebih perlahan** daripada **Mekar** Eskpres.

Kelajuan melibatkan **jarak** dan **masa**

$$\text{Cara mengira kelajuan} = \frac{\text{Jarak}}{\text{masa}} = \text{Jarak} \div \text{masa}$$

CONTOH KIRAAN KELAJUAN :

Berikut adalah keputusan perlumbaan larian jarak 100m murid 6 Bestari.

Nama murid	Jamal	Solehin	Ramadan
Masa sampai ke garisan penamat	20saat	40saat	25saat

$$\text{Kelajuan Jamil berlari} = \frac{100 \text{ m}}{20 \text{ saat}} = 5 \text{ m/s}$$

$$\text{Kelajuan Solehin berlari} = \frac{100 \text{ m}}{40 \text{ saat}} = 2.5 \text{ m/s}$$

$$\text{Kelajuan Ramadan berlari} = \frac{100 \text{ m}}{25 \text{ saat}} = 4 \text{ m/s}$$

Murid paling laju adalah Jamil diikuti oleh Rama dan Solehin.

LATIHAN KELAJUAN

1. Antara berikut yang manakah menunjukkan jarak pergerakan yang paling pendek dalam suatu jangka masa yang sama?

60 km/j

150 km/j

85 km/j

2. Antara berikut yang manakah menunjukkan jarak pergerakan yang paling jauh dalam suatu jangka masa yang sama?

75 km/j

120 km/j

90 km/j

3. Sekiranya Darwish bergerak dari Gerik dengan jarak 120km dan mengambil masa 2 jam untuk sampai ke Taiping, berapakah kelajuan Darwish memandu kereta?

60 km/j

70 km/j

80 km/j

4. Karim, Hashim dan Latip bergerak dari rumah sewa yang sama di Taman Cempaka, Ipoh ke 3 destinasi berbeza. Selepas 1 jam Karim telah sampai di Cameron Highlands, Hashim sampai di Gopeng dan Latip sampai di Kampar. Siapakah yang memandu kenderaan dengan laju?

Karim

Hashim

Latip

LATIHAN KELAJUAN

5. Merry, Nena, dan Rosie bergerak dari rumah sewa yang sama di Flat Kepayang, Ipoh ke 3 destinasi berbeza.

Selepas 1 jam Merry telah sampai di Kuala Kangsar, Nena sampai di Medan Gopeng dan Rosie sampai di Simpang pulai. Siapakah yang memandu kenderaan dengan perlahan?

Merry

Nena

Rosie

6. Din, Zack, Tan dan Rama menunggang motorsikal dari Kuala Kangsar ke Kelly Castle Batu Gajah. Catatan masa perjalanan mereka seperti dalam jadual di bawah.

Nama	Din	Zack	Tan	Rama
Masa sampai di Kelly Castle Batu Gajah	1 jam	1 jam 15 minit	50 minit	1 jam 10 minit

Susunkan pergerakan 4 orang pemuda ini dari yang paling laju kepada yang paling lambat sampai ke tempat yang di tuju.

7. Shima, Juli, Noli dan Liza bergerak ke sekolah dari rumah mereka di Kampung Kepayang. Catatan masa perjalanan mereka seperti dalam jadual di bawah.

Nama	Shima	Juli	Noli	Liza
Masa sampai di sekolah	15 minit	10 minit	12 minit	20 minit

Susunkan pergerakan 4 orang murid ini dari yang paling lambat kepada yang paling cepat sampai ke sekolah.